

08/03/2002

Punca Asia Timur sukar pulih krisis ekonomi: PM

Misiah Taib; Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Khamis - Kurangnya keyakinan dan kepercayaan kepada diri, selain terlalu tunduk kepada kehendak Barat, menjadi punca utama negara Asia Timur sukar pulih daripada krisis kewangan serantau.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada kalangan negara Asia Timur terlalu terikut-ikut dengan ramuan Barat dalam menangani masalah ekonominya walaupun ia sebenarnya tidak baik untuk negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata, walaupun secara luaran, perubahan yang disarankan itu bagus, tidak ada satu penawar yang boleh mengubati semua jenis penyakit. Malangnya, mereka hanya menerima bulat-bulat ramuan itu tanpa mempersoalkan sama ada ia sesuai atau tidak.

"Negara Asia Timur amat berbeza antara satu sama lain daripada segi budaya dan begitu juga amalan perniagaannya. Tidak seharusnya perubahan hanya dalam satu bentuk saja.

"Mesti ada cara lain yang boleh menjadikan pengurusan ekonomi dan perniagaan boleh diterima serta tidak menuju ke arah kemusnahan," katanya ketika menyampaikan ucap tama "Masa Depan Asia Pada Abad ke-21: Mewujudkan Semula Kumpulan Ekonomi Asia Timur" pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia, di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Sidang dua hari itu dianjurkan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli). Hadir sama ialah bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Dr Mahathir turut mengingatkan betapa perubahan mendadak dalam melakukan sesuatu perkara boleh mengakibatkan kemusnahan.

"Tidak kira betapa baiknya sesuatu perubahan itu, pelaksanaan secara mendadak boleh memudaratkan dan tidak akan membuahkan hasil seperti diharapkan. Oleh itu kita perlu sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan apa juga perubahan," katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai perkembangan semasa yang menganggap perniagaan hanyalah mengenai harga saham tanpa menghiraukan nilai sebenar syarikat.

Beliau berkata, bidang perniagaan bukannya terhad kepada pasaran saham atau membuat keuntungan atau mengumpul aset semata-mata.

Sebaliknya, ia juga mengenai usaha mewujudkan tanggapan pasaran terhadap nilai sesebuah syarikat. Harga saham memang penting tetapi ia tidak menggambarkan keuntungan atau nilai sebenar sesebuah syarikat.

"Jika ada pembeli saham berkenaan, maka permintaan akan meningkat menyebabkan harganya naik serta begitu juga jika sebaliknya. Jika pelaburan tidak menguntungkan juga tidak apa, asalkan saham berkenaan dapat dilupuskan pada kadar harga tinggi dan keuntungan dapat diperolehi," katanya.

Beliau berkata, krisis kewangan buruk yang berlaku pada 1997 dan 1998 boleh dielakkan, jika negara terbabit berani menentang manipulasi dan dagangan mata wang.

(END)